

PENGERUSIKAN...
Hue-Jen
(kanan)
ketika
mempengerusikan
mesyuarat
SATU.



Pemilihan UMS tuan rumah mesyuarat Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SATU pengiktirafan a-bangsa

NSF 23.11.2019. 2

KOTA KINABALU: Pemilihan Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai tuan rumah Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Universiti-universiti Asia Selatan, Asia Tenggara dan Taiwan (SATU) merupakan satu pengiktirafan antarabangsa kepada UMS.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, bukan mudah untuk dipilih sebagai tuan rumah Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SATU.

"Justeru, pemilihan UMS ini memberi gambaran bahawa kedudukan UMS khususnya dan lokasi Sabah di Kepulauan Borneo ini sebagai ahli yang strategik dalam mengembangkan objektif jawatan kuasa ini yang turut dianggotai oleh universiti dari Indonesia, India, Malaysia, Filipina, Thailand, Brunei, Vietnam, Singapura dan Taiwan.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Forum Presiden SATU yang juga merangkap Presiden National Cheng Kung University Taiwan, Prof. Dr. Hue-Jen Jenny Su kerana memberi kepercayaan kepada UMS sebagai tuan rumah mesyuarat kali ini. Penganjuran ini sangat bermakna apatah lagi pada tahun ini UMS turut meraikan sambutan ulang tahun yang ke-25," katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberi ucapan alu-aluan pada Mesyuarat SATU yang berlangsung di UMS, di sini, baru-baru ini.

Menurut Taufiq, Forum Presiden SATU telah berkembang pesat dan kukuh sejak penubuhannya 16 tahun yang lalu dengan berjaya mengumpul universiti-universiti terkenal di rantau ini untuk bersama-sama dalam memperkasakan pendidikan tinggi serta melebarkan jalinan kerjasama antarabangsa.

Katanya, UMS berbangga untuk berada di dalam SATU dan akan melibatkan diri secara aktif dalam sebarang aktiviti yang dijalankan.

"Seiring dengan tema mesyuarat pada kali ini iaitu Tanggungjawab Sosial Universiti (USR), kita telah mengongsikan dengan ahli-ahli mesyuarat mengenai pelbagai program berkaitan USR yang telah dilakukan oleh UMS secara aktif dengan melibatkan pelajar dan komuniti. Antara lain, UMS telah berjaya meningkatkan bilangan usahawan desa dalam projek so-sio-ekonomi yang dimulakan menerusi aktiviti USR.

"Malahan tanggungjawab sosial ini terdapat dalam kurikulum pengajian prasiswazah. Dan uniknya di Sabah ini, kita mempunyai masyarakat yang berbilang bangsa, bahasa, budaya dan agama sekali gus menyediakan persekitaran yang menarik bagi meningkatkan kesedaran para pelajar terhadap komitmen dan tanggungjawab sosial," tambahnya.

Mesyuarat yang dipengerusikan Prof. Dr. Hue-Jen turut dihadiri Penolong Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Marcus Jo pony dan Pengarah Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global, Prof. Dr. Ho Chong Mun. **OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE**